



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**2 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**2 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)**

Minyak masak paket

# Peruncit boleh dapatkan bekalan terus dari kilang

## Kementerian cadang perkenal aplikasi dalam talian mohon permit belian

Oleh Suraya Ali  
suraya.ali@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bercadang memperkenalkan aplikasi telefon untuk memudahkan proses permohonan permit belian minyak masak berpaket secara dalam talian, bagi membolehkan peruncit mendapatkan bekalan terus dari kilang pembungkusan.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, mengakui mengi-

kut sistem sedia ada ketika ini, ada peniaga runcit tidak mendapat keuntungan, susulan harga belian daripada pembekal dan jualan kepada peruncit adalah sama.

"Kita dapati keadaan ini berlaku kerana sesetengah peniaga runcit berdepan kesukaran apabila tidak dapat membeli bekalan minyak masak bersubsidi (minyak masak dalam paket 1kg) terus dari kilang pembungkusan.

"Mereka membeli bekalan daripada pemborong pada harga sama dengan harga jualan (dikawal pada harga RM2.50 sekilogram). Oleh itu peniaga runcit terutama di luar bandar, tidak mendapat sebarang keuntungan dari jualan minyak masak paket bersubsidi," katanya kepada *BH*, semalam.

Salahuddin berkata, antara punca keadaan itu adalah ramai pengusaha kedai runcit tidak mengetahui kaedah permohonan permit boleh dilakukan secara

dalam talian.

Katanya, beliau sudah berbincang dengan pentadbiran KPDN dan mereka sedang mencari kaedah terbaik untuk memudahkan peruncit memohon permit khas membeli dan menjual minyak masak paket.

"Mungkin KPDN boleh memperkenalkan sistem permohonan permit melalui aplikasi telefon pintar.

"Kebanyakan orang sudah memiliki telefon pintar, mungkin aplikasi telefon adalah satu cara untuk membantu mereka," katanya.

### Terima bekalan terhad

Sebelum ini, *BH* menerima aduan daripada peniaga, bekalan minyak masak paket terhad kerana ramai peniaga runcit enggan menjualnya kerana harga belian sama dengan harga jualan kerana tidak mempunyai permit untuk beli terus dari pengeluar atau pengilang.

Bukan setakat tidak mendapat

untung, sebaliknya peniaga terpaksa menanggung kerugian jika pek bungkusan minyak masak bersubsidi yang dibeli mereka pecah.

KPDN sebelum ini, menjelaskan, Skim Penstabilan Minyak Masak atau *Cooking Oil Stabilization Scheme* (COSS) adalah skim pembiayaan subsidi kerajaan bagi membolehkan minyak masak kemasan peket 1kg dijual pada harga runcit RM2.50.

Bagi tujuan itu, kerajaan membayar subsidi kepada kilang penapis dan syarikat pembungkusan minyak masak bagi menampung pembelian minyak sawit pada harga ambang yang ditetapkan kerajaan dan kos operasi syarikat pembungkusan.

Pembayaran subsidi dibuat berdasarkan bukti invoice jualan oleh kilang penapis dan syarikat pembungkusan.

Memandangkan kawalan harga hanya dibuat di peringkat runcit, maka peruncit yang mendak-

Kita dapati keadaan ini berlaku kerana sesetengah peniaga runcit berdepan kesukaran apabila tidak dapat membeli bekalan minyak masak bersubsidi (minyak masak dalam paket 1kg) terus dari kilang pembungkusan.

Salahuddin Ayub, Menteri Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sara Hidup



wa mendapat bekalan pada harga yang sama dengan harga runcit dari pembekal boleh mengemukakan laporan kepada KPDN utk siasatan lanjut.

KPDN juga mengingatkan semua syarikat pembungkus yang dilantik sebagai pembekal minyak masak bersubsidi supaya menjual pada harga borong yang bersesuaian kepada peruncit dan tidak mewujudkan lapisan dalam rantaian pembekalan dan pengedaran yang akan meningkatkan lagi harga jualan.

## Peniaga dakwa harga jualan tak beri untung

**Kuala Lumpur:** Harga minyak masak berpaket subsidi diterima daripada pembekal, yang sama dengan harga jualan runcit kepada pengguna yang dikawal kerajaan, menyebabkan ramai peniaga enggan menjual barangan keperluan itu.

Ini kerana jualan minyak masak berpaket pada harga RM2.50 sekilogram itu tidak memberi sebarang keuntungan kepada peniaga runcit, malah berisiko membuatkan mereka rugi jika bungkusannya bocor atau pecah sebelum dijual, selain menanggung kos lain seperti plastik dan pekerja.

Selain itu, mereka juga akan dikenakan tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa, jika menjualnya melebihi harga kawalan RM2.50 atau mengenakan syarat pembelian barangan lain jika mahu membeli minyak masak berpaket.

Seorang peniaga runcit, Ayub Mohamad, 60, menyifatkan jualan minyak masak berpaket bersubsidi yang dilakukan peruncit ketika ini, umpama khidmat sosial semata-mata.

"Sebab itu saya hanya benarkan seorang boleh beli satu paket sahaja, terhad siapa cepat dia dapat. Walaupun mampu mendapat banyak bekalan daripada pembekal tetapi saya ti-

dak berani ambil risiko kerana minyak masak ini juga boleh bocor atau pecah, sekali gus menanggung kerugian.

"Bukan soal tidak mahu jual, tapi saya tidak dapat sebarang keuntungan walaupun mampu jual banyak selagi harga belian daripada pemborong, sama dengan harga jualan runcit," katanya.

Sementara itu, semakan BH dengan pemilik syarikat pembungkusan minyak masak, mendapati kos sebenar untuk membungkus satu pek minyak masak bersubsidi ialah RM2.70 sekilogram, tidak termasuk kos operasi kilang dan kotak.

### Subsidi 60 sen setiap pek

Syarikat itu mengesahkan, kerajaan memberi subsidi sebanyak 60 sen untuk setiap pek minyak masak 1kg yang dibungkus dan pengilang menjual kepada pemborong pada harga RM2.47 bagi setiap pek.

"Untuk setiap pek minyak masak bersubsidi, kami di kilang pembungkusan mendapat keuntungan 30 sen bagi setiap pek sebelum menolak kos operasi dan penghantaran kepada pemborong," katanya kepada BH.

Beliau berkata, beliau turut berhati-hati dan memastikan



Program subsidi minyak masak paket berharga RM2.50 satu kilogram bantu ringan beban rakyat. (Foto hiasan)

hanya pemborong yang mempunyai permit sahaja dibenarkan membeli produk minyak masak bersubsidi dari kilangnya.

"Saya pernah disiasat kerana ada pemborong yang membeli minyak masak bersubsidi dari kilang saya, membungkusnya semula ke dalam botol sebelum

menjual untuk mengaut keuntungan berlipat ganda, selain ada yang sanggup jual semula ke luar negara," katanya.

Katanya, keuntungan pemborong bagi setiap pek minyak masak bersubsidi hanya 3 sen sepaket dan jika peruncit mendapatkan bekalan dari pemborong dan bukan kilang pem-

bungkus, mereka tidak mendapat sebarang keuntungan.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Subsidi dan Bekalan KPDN, Wan Fadillah Wan Ahmad, berkata subsidi kepada kilang pemproses minyak sawit, berbeza kerana bergantung kepada harga semasa minyak di pasaran dunia.

"Sebagai contoh, jika harga minyak mentah sawit di pasaran ialah RM4,000 untuk setiap tan, kilang pembungkusan semula akan beli pada harga tetap RM2,300 per tan dan kerajaan akan bayar perbezaan harga RM1,700 bagi setiap tan kepada pengilang," katanya.

Katanya, kerajaan memperuntukkan subsidi sebanyak RM600 per tan untuk setiap kilang pembungkusan semula.

Untuk rekod, pada Jun tahun lalu, BERNAMA melaporkan kerajaan masih mengekalkan subsidi minyak masak dengan jumlah sebanyak RM4 bilion untuk tahun ini, bagi menanggung kategori minyak masak kempit satu kilogram.

Program subsidi yang bermula sejak Jun 2007 itu adalah subsidi yang ditanggung kerajaan bagi minyak masak paket berharga RM2.50 satu kilogram untuk kegunaan terutama keluarga golongan B40.



**SALAHUDDIN** Ayub bersama Pengarah Urusan Mydin, Datuk Wira Dr. Ameer Ali Mydin melawat gerai makanan pada Pelancaran Inisiatif Menu Rahmah di Pasaraya Mydin USJ. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

## Nikmati menu Rahmah di seluruh negara - Salahuddin

**PUTRAJAYA:** Menu Rahmah yang diperkenalkan bukan hanya ditawarkan di kawasan bandar sahaja sebaliknya akan diperluas ke seluruh negara.

Menteri Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, inisiatif menu Rahmah itu akan diperluaskan secara berperingkat.

“Sejak semalam, ada ramai yang bertanya ‘di mana lagi kita boleh dapatkan menu Rahmah ini dan ia hanya di bandar sahaja ke?’

“Insya-Allah, jangan risau. Menu Rahmah akan disebarluaskan ke seluruh negara secara berperingkat,” katanya.

Katanya, setakat ini, libat urus telah diadakan bersama wakil-wakil persatuan

restoran termasuk Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia (PRIMAS), Persatuan Pengusaha Tomyam Malaysia.

“Apa yang pasti, mereka akan mula menawarkan menu Rahmah dalam masa terdekat ini.

Katanya, beliau juga akan menjelajah ke seluruh negara bagi meneruskan libat urus dengan lebih ramai pemain industri makanan dan minuman agar usaha ini diperluaskan ke seluruh negara.

Semalam, Salahuddin dilaporkan berkata, lebih 15,000 restoran menawarkan menu Rahmah berharga RM5 bagi hidangan makanan terengah hari atau makan malam untuk golongan B40.



# Semua golongan boleh beli Menu Rahmah RM4.90

Mydin yakin pihak berkemampuan tidak ambil kesempatan usaha tolong miskin tegar

Oleh Azhar Shaifulnizam dan Zubainy Zulkiffli  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tiada halangan kepada pelanggan untuk membeli Menu Rahmah berharga RM4.90 yang dijual di pasar raya Mydin di seluruh negara kerana ia terbuka kepada orang ramai bagi melancarkan operasi perniagaan.

Bagaimanapun, Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin, berkata pihaknya yakin mereka yang berkemampuan tidak akan mengambil kesempatan terhadap set menu makan tengah hari dan malam yang dijual dengan harga murah itu yang pada dasarnya bagi membantu golongan miskin tegar.

"Kita memahami apabila pertengahan bulan, ramai antara kita menjadi miskin tegar sementara, jadi kita beri kemudahan kepada mereka memesan makanan daripada Menu Rahmah.

"Sebenarnya sukar untuk kita menentukan siapa yang tergolong dalam miskin tegar, B40, M40 dan T20 yang layak membeli Menu Rahmah ini, jadi untuk mengelak pertengkaran di medan selera serta melancarkan operasi perniagaan, kita buka jualan kepada semua," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Kelmarin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara



Tasman bersama isteri dan anak membeli hidangan Menu Rahmah di Mydin Wholesale Hypermarket, Bukit Jambul, Georgetown, semalam. (Foto Zubainy Zulkiffli/BH)

Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata inisiatif Menu Rahmah dilancarkan kementeriaannya itu membabitkan 15,000 premis menjual makanan bagi membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

#### Inisiatif tak beban peniaga

Mengulas lanjut, Ameer berkata, ayam yang dijual dalam Menu Rahmah dipotong menjadi lapan bahagian, sekali gus kuantiti dan kualiti ditawarkan masih sama seperti sebelum ini.

Beliau berkata, menu disediakan setiap hari juga ditukar dengan masakan berbeza membabitkan ikan dan sayuran dalam usaha memberikan lebih banyak pilihan kepada mereka yang tidak berkemampuan.

"Kita tidak memotong ayam ke-

pada 12 ataupun 16 bahagian, sebaliknya saiz tetap sama, tetapi dengan harga lebih rendah.

"Selain Menu Rahmah, kita menjual menu RM2.50 membabitkan nasi lemak dan bihin goreng," katanya.

Ameer berkata, inisiatif ini tidak membebani peniaga kerana mereka mempunyai menu lain jika pelanggan tidak mahu membeli Menu Rahmah.

Katanya, peniaga memahami tanggungjawab sediakan menu berharga murah ini menyebabkan keuntungan berkurangan.

Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Datuk Jawahar Ali Taib Khan pula berkata, inisiatif ini satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi membantu masyarakat.

"Kita tidak boleh berfikir mencari keuntungan sahaja. Setakat ini, ahli PRESMA menyokong usaha ini dan tiada masalah dengan Menu Rahmah.

"Sesiapa sahaja yang mahu membeli Menu Rahmah akan diberikan tanpa tapisan dan saringan. Bukan tugas kita menentukan sama ada mereka asnaf ataupun tidak.

"Menu Rahmah di restoran ahli PRESMA akan diteruskan selagi ada keperluan," katanya.

#### Menu murah, jimatkan

Sementara itu, di Georgetown, semantara itu, di Georgetown, pelbagai pihak menyambut baik usaha Mydin menyediakan Menu Rahmah yang dianggap murah dan menjimatkan bermula kelmarin.

Tinjauan di Mydin Wholesale

Sebenarnya sukar untuk kita menentukan siapa yang tergolong dalam miskin tegar, B40, M40 dan T20 yang layak beli Menu Rahmah

Ameer Ali Mydin, Pengarah Urusan Mydin



Hypermarket, Bukit Jambul di sini, mendapati kebanyakan pengunjung berpuas hati dengan harga dan jenis menu ditawarkan termasuk menu sarapan iaitu set nasi lemak, mi goreng, kuetiau, bihin dan nasi goreng pada harga RM2.50 setiap satu, manakala makanan tengah hari pula ialah nasi dan aneka lauk dengan harga RM4.90.

Pasangan beradik, Rosma Awang, 75, dan Khadijah, 82, berkata inisiatif itu menjimatkan dan memudahkan orang ramai menikmatinya, termasuk warga emas.

Rosma dari Batu Maung berkata, dua kali saya lihat pada harga dipaparkan kerana tidak percaya masih ada yang menjual nasi lemak dengan harga serendah RM2.50 pada masa ini.

Pekerja kontrak, Tasman Masrul, 65, pula berkata, dia mengakui harga barangan dapur dan bahan basah bagi membuat makanan meningkat pada masa ini. "Saya harap inisiatif ini dapat menjadi penanda aras terhadap pengurangan harga makanan di negara ini," katanya.

Pengurus Cawangan Mydin Wholesale Hypermarket berkenaan, Mohd Sobri Tajudin berkata, menu diperkenalkan sejak kelmarin itu mendapat sambutan baik pengunjung berkeluarga, suri rumah dan pekerja sektor perindustrian serta perkilangan berhampiran.

"Menu itu dimasak sendiri kakitangan di sini menggunakan bahan masakan segar yang dijual di pasar raya ini," katanya.



ORANG ramai membeli Menu Rahmah yang ditawarkan pada harga RM5 bagi satu hidangan di Pasar Raya Mydin Subang Jaya semalam. — SHIDDIQIIN ZON

Bantu rakyat jimat, dapat makan hidangan lengkap

# Kekalkan, perluas inisiatif Menu Rahmah

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD, TUAN NURHIDAYAH TUAN AB. GHANI dan MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

**KUALA LUMPUR** — Langkah kerajaan menyediakan Menu Rahmah perlu diperluas dan dikekalkan kerana langkah itu bukan sahaja mengurangkan beban rakyat, malah turut membantu mereka berjimat.

Ramlah Hussin, 67, berkata, Menu Rahmah merupakan satu set makanan yang lengkap sumber karbohidrat serta protein dengan harga yang sangat berbaloi kepada golongan memerlukan.

"Saya beli Menu Rahmah dengan set makanan seperti nasi, ayam goreng dan sayur serta air minuman pada harga RM5 adalah sangat berbaloi.

"Selalu sekali makan untuk dua orang mencecah RM20, tetapi pada hari ini saya bungkus dua makanan dari Menu Rahmah

pada harga RM10 ia sangat menjimatkan," katanya ketika ditemui semalam.

Dia juga berharap agar inisiatif itu terus kekal dan bukan sementara dilaksanakan kerajaan.

Menurut seorang pegawai keselamatan, R. Raminay, 32, pula, dia mampu menjimatkan separuh perbelanjaan makannya ketika bekerja daripada RM30 kepada RM15 sehari.

"Saya mempunyai tanggungan dua anak dan gaji sekitar RM1,750 sebulan, makan pagi hingga malam sahaja sudah berapa banyak habis, ditambah dengan keadaan ekonomi yang tidak stabil banyak menggunakan duit.

"Tetapi bila kerajaan perkenal menu ini, saya dapat jimat banyak hampir separuh perbelanjaan makanan saya sehari," ujarnya.

Sementara itu, Presiden Peratuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma), Datuk Jawahar Ali Taib Khan berkata,

sebanyak 20 sehingga 30 peratus pemilik restoran bawah peratuan berkenaan telah melaksanakan inisiatif Menu Rahmah tersebut.

"Sekarang ini kami sedang menunggu poster standard yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk Menu Rahmah.

"Buat masa ini di restoran bawah kendalian saya (Restoran Ali Maju) kami buat sendiri (poster) dengan dua menu yang ditawarkan iaitu nasi, ikan goreng, sayur dan air atau nasi, ayam goreng, sayur berserta air," katanya.

Ditanya sama ada ia menguntungkan atau sebaliknya beliau berkata, sejujurnya ia tidak menguntungkan, namun ini dianggap sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) iaitu memulangkan semula kepada mereka yang memerlukan.



## Juadah RM5 bukan untuk orang bandar sahaja – KPDN

**PUTRAJAYA** – Menu Rahmah yang diperkenalkan bukan ditawarkan di kawasan bandar sahaja sebaliknya akan diperluas ke seluruh negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, inisiatif Menu Rahmah itu akan diperluaskan secara berperingkat.

"Sejak semalam, ada ramai yang bertanya 'di mana lagi kita boleh dapatkan menu Rahmah ini dan adakah hanya di bandar ke?"

"Insya-Allah, jangan risau. Menu Rahmah akan disebar luas ke seluruh negara secara berperingkat," katanya menerusi hantaran di Facebook semalam.

Katanya, setakat ini, libat urus telah diadakan bersama wakil-wakil persatuan restoran termasuk Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma), Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia (Primas) dan Persatuan Pengusaha Tomyam Malaysia.

Salahuddin berkata, libat urus sama turut diadakan bersama Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors General Association (MCSPGA), Bumiputra

Retailers Organization (BRO), Malaysia Retail Chain Association (MRCA) dan Malaysia Retailers Association (MRA).

"Apa yang pasti, mereka akan mula menawarkan Menu Rahmah dalam masa terdekat ini.

"Kami juga menggalakkan agar lebih ramai pentaga menyertai inisiatif ini untuk sama-sama membantu rakyat menikmati hidangan yang lengkap pada harga mampu milik," katanya.

Katanya, beliau juga akan menjelajah ke seluruh negara bagi meneruskan libat urus dengan lebih ramai pemain industri makanan dan minuman agar usaha itu diperluaskan ke seluruh negara.

Kelmarin, Salahuddin dilaporkan berkata, hampir 15,000 restoran menawarkan Menu Rahmah berharga RM5 bagi hidangan makanan tengah hari atau makan malam untuk golongan B40.

Program itu selaras pelancaran inisiatif Menu Rahmah oleh kerajaan kelmarin bertujuan memastikan golongan B40 mampu membeli makanan di restoran pada harga yang berpatutan.



**INISIATIF** Menu Rahmah tidak hanya menyasarkan golongan bandar, malah diperluaskan ke seluruh negara bagi membantu rakyat.



KERATAN Kosmo! semalam.

## 'Bukan hanya golongan B40 tarik nafas lega'

**SUBANG JAYA** – Inisiatif kerajaan mewujudkan Menu Rahmah dengan harga RM5 nyata memberi impak positif dan disenangi rakyat susulan harga barangan yang kian meningkat.

Pekerja infrastruktur, Farah Najwa, 32, berkata, inisiatif itu bukan sahaja meringankan beban golongan B40, malah ia turut dinikmati golongan lain.

"Kita sebagai pelanggan, ada banyak pilihan makanan Menu

Rahmah, dengan harga RM5 ia sangatlah bagus walaupun ada peniaga yang kurangkan saiz hidangan makanan.

"Sekurang-kurangnya kita boleh buat pengiraan bajet untuk makan ketika waktu 'sesak' terutamanya bila pertengahan atau hujung bulan," katanya dalam tinjauan di Pasar Raya Besar Mydin Subang Jaya, di sini semalam.

Katanya, sebagai seorang yang sudah berumah tangga, langkah

itu dapat meringankan beban keluarganya kerana untuk memasak di rumah barangan dapur juga agak mahal.

Seorang usahawan, Abu Hafiz Abu Harris, 28, berkata, Menu Rahmah itu mampu membantu semua lapisan masyarakat.

"Saya bersama isteri akan berhabis sekurang-kurangnya RM50 untuk sekali makan sahaja. Inisiatif ini sangatlah relevan buat masa sekarang," ujarnya.

Ziyadh Haziq Rizwan, 20, yang bekerja dalam industri automotif berkata, dia sebelum ini tidak mengetahui mengenai berita berkenaan kerana sibuk bekerja.

Malah, pekerja kedai makan, Hafiza Fatima, 58, berkata, kedainya menawarkan set nasi ayam masak merah berharga RM5 dan setakat pukul 1 tengah hari, hanya seorang pelanggan yang datang membeli mungkin tidak mengetahui mengenai inisiatif itu.

# RM5 aje sepinggan!

## 15,000 premis makanan mula sertai Program Menu Rahmah

**Kuala Lumpur**

Rakyat kini boleh menikmati makanan tengah hari dan malam masing-masing pada harga RM5 di hampir 15,000 premis makanan di seluruh negara mulai kelmarin melalui Program Menu Rahmah.

Menu Rahmah adalah hidangan seimbang merangkumi nasi, satu pilihan protein iaitu ayam atau ikan dan sayuran yang ditawarkan untuk membantu golongan yang terkesan dengan kenaikan kos sara hidup ketika ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, bagaimanapun, daripada pemerhatian terdapat peniaga yang prihatin dengan mempelbagaikan menu lain seperti mi goreng, kuetiau goreng, rojak, roti John dan shawarma.

"Untuk memudahkan rakyat, kita (KPDN) akan letak satu pelekat atau simbol Menu Rahmah di premis yang terlibat dan apabila mereka nampak menu itu, mereka

boleh pergi dapatkan makanan.

"Kita juga akan menguar-uarkan program ini dan saya minta pempengaruh di media sosial membantu kerajaan menyebarkan tentangnya," katanya selepas melancarkan program menu itu di Pasar Raya Mydin Subang Jaya, dekat sini, kelmarin.

Beliau berkata, setakat ini, restoran yang terlibat dalam program itu ialah ahli daripada tujuh persatuan antaranya Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma), Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia (Primas) serta Persatuan Pengusaha Tomyam Malaysia.

Pelaksanaan program juga membabitkan ahli Persatuan Pemilik Kedai Kopi Malaysia-Singapura (MSCS-PGA), Persatuan Peruncit Bumiputra Malaysia (BRO), Persatuan Rangkaian Runcit Malaysia (MRCA) dan Per-

satuan Peruncit Malaysia (MRA).

Salahuddin berkata, program tersebut akan dijalankan secara berterusan selagi ia mendapat kerjasama daripada premis yang bersedia memberikan perkhidmatan.

"Sekiranya mereka (pengusaha premis) tidak boleh mengekalkan

(harga menu), mereka boleh beritahu kita (KPDN) supaya perbincangan boleh dibuat dari semasa ke semasa, tapi setakat ini, mereka boleh

laksanakan harga menu RM5 yang kita minta.

"Selain itu, saya tidak fikir ada golongan (selain miskin tegar dan golongan memerlukan) yang akan mengambil kesempatan terhadap pelaksanaan Menu Rahmah ini kerana mereka ada pilihan makanan lain.

"Tetapi kalau mereka rasa di tengah bulan sudah kurang duit dalam poket, mereka juga boleh pilih Menu Rahmah kerana saya rasa

mereka pun ada selera untuk memilih menu ini," katanya.

Dalam pada itu, beliau menyasarkan semua pelaksanaan inisiatif Rahmah seperti Bakul Rahmah, Pakej Harga Barang Rahmah dan Kafe Rahmah dapat diselesaikan selewat-lewatnya akhir Mac ini.

Katanya, program Bakul Rahmah disasarkan diberi kepada golongan keluarga miskin tegar setiap bulan manakala Pakej Harga Barang Rahmah bakal meliputi 12 barang keperluan asas yang boleh dibeli pada harga ditetapkan.

"Inisiatif Kafe Rahmah pula akan dibuat di universiti tempatan bermula di Kuala Lumpur, merangkumi sarapan pagi dan makan tengah hari percuma sementara makanan malam akan ditawarkan dengan diskaun hingga 50 peratus.

"Ini adalah antara usaha kecil KPDN untuk menyantuni golongan miskin tegar, berpendapatan rendah dan golongan siswa dari keluarga kurang berkemampuan," katanya.

**“Inisiatif Kafe Rahmah pula akan dibuat di universiti tempatan kelak”**  
Salahuddin

**Kuala Lumpur:** Pembekal digalakkan untuk menyertai inisiatif Menu Rahmah yang akan diperkenalkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama-sama Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia (Primas) dan Persatuan Operator Tomyam Malaysia.

Presiden Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) Datuk Jawahar Ali Taib Khas berkata, cadangan itu bagi menyediakan bahan mentah pada harga yang lebih rendah kepada restoran yang menyertai inisiatif ini.

"Jika pembekal memberikan potongan harga (pada bahan mentah) untuk kos mereka ketika kerjasama 'Menu Rahmah', kami akan dapat memberikan dana daripada syarikat kepada mereka," katanya.

Jawahar berkata, Presma bekerjasama rapat dengan Primas dalam inisiatif ini dan akan membawakan cadangan itu kepada Menteri KPDN Datuk Seri Salahuddin Ayub, sebelum memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani minggu hadapan.

KPDN akan memperkenalkan Menu Rahmah yang

## Cadang pembekal bahan mentah sertai inisiatif

menawarkan makanan pada harga RM5 dan ke bawah, khusus untuk golongan miskin tegar yang terdiri daripada nasi, ayam atau ikan dan sayuran.

Sebagai tambahan, beliau berkata Salahuddin mencadangkan untuk menyediakan Tabung Rahmah untuk setiap restoran yang menyertainya, supaya dapat menyediakan makanan percuma kepada golongan miskin tegar.

Sementara itu, bagi seorang pekerja kilang Haris Hanipah, 30, 'Menu Rahmah' itu satu inisiatif yang baik daripada kerajaan bagi membantu mereka yang memerlukan disebabkan peningkatan harga barang keperluan yang semakin mahal di pasaran.

"Mungkin ini inisiatif jangka pendek dan kerajaan perlu mencari cara yang lebih baik lagi bagi bukan sahaja menjaga kesejahteraan masyarakat, tetapi juga meningkatkan pendapatan isi rumah secara keseluruhan," katanya.



*Jika pembekal memberikan potongan harga (pada bahan mentah) untuk kos mereka ketika kerjasama 'Menu Rahmah', kami akan dapat memberikan dana daripada syarikat kepada mereka"*

**Jawahar Ali**

Bagaimanapun, seorang ahli ekonomi di Kolej Universiti i-Cats Kuching Profesor Datuk Dr Shazali Abu Mansor mencadangkan KPDN untuk memperkenalkan inisiatif baucar makanan, kerana dirasakan ia lebih praktikal dalam menyediakan bekalan dan barangan, untuk satu-satu isi rumah.

"Sebagai contoh baucar makanan bernilai RM100 sebulan akan menyediakan

setiap keluarga dengan sejumlah barangan runcit dan ini akan menyediakan sekurang-kurangnya makanan untuk tiga kali bagi setiap keluarga," katanya.

Shazali berkata, cadangan itu kerajaan boleh berunding dengan pihak pasar raya dan pasar raya besar, dalam menambah baucar makanan sebagai sebahagian daripada pemberian diskaun mereka.

Beliau berkata, Menu Rahmah lebih sesuai untuk mereka yang bujang yang tidak bermasalah untuk ke restoran untuk makan namun untuk sebuah keluarga, ia akan memakan masa dan usaha yang lebih mahal daripada makanan disediakan disebabkan kos pengangkutan.

Ketika ditanya cara pemilihan penerima baucar makanan itu, Shazali berkata data daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) boleh menentukan siapa yang layak berdasarkan kepada jumlah isi rumah, pendapatan dan lokasi.

**MYDIN**  
**MENU RAHMAH**  
 RM 4.90 setiap set  
 Set Makan Tengah Hari / Makan Malam

**Isnin**

- Nasi Putih
- Ayam Masak Kicap
- Kacang Panjang Goreng
- Air Minuman 500ml

**Selasa**

- Nasi Putih
- Ikan Kembung Goreng
- Tauge Masak Lemak
- Air Minuman 500ml

**Rabu**

- Nasi Putih
- Ayam Goreng Kunyit
- Bayam Goreng
- Air Minuman 500ml

**Khamis**

- Nasi Putih
- Sambal Ikan
- Kubis Goreng
- Air Minuman 500ml

**Jumaat**

- Nasi Putih
- Kari Ayam
- Tauge Goreng
- Air Minuman 500ml

**Sabtu**

- Nasi Putih
- Ikan Masak Kicap
- Kangkung Goreng
- Belacan
- Air Minuman 500ml

**Ahad**

- Nasi Putih
- Ayam Sambal
- Kubis Goreng
- Air Minuman 500ml



RAMLAH membeli makanan Menu Rahmah yang disediakan di Restoran Ali Maju, Setapak.

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin  
 am@hmetro.com.my

**MENU RAHMAH: REAKSI UMUM**

**Kuala Lumpur**

**M**ampu jimat sehingga dua kali ganda. Demikian luahan orang ramai berhubung inisiatif Menu Rahmah yang menawarkan makanan siap masak pada harga RM5 dan ke bawah.

Pelanggan, Ramlah Hussin, 67, berkata harga makanan menu itu amat murah berbanding harga biasa iaitu sekitar RM10 hingga RM20 bagi setiap hidangan.

"Hari ini saya bungkus dua set Menu Rahmah dengan lauk ayam goreng dan sayur kubis untuk anak-anak dan saya berpuas hati dengan saiz hidangan yang banyak pada harga RM5.

"Saya pilih untuk beli menu ini kerana ia murah berbanding harga biasa. Saya harap inisiatif terus akan dilaksanakan dan tidak berhenti separuh jalan memandangkan ramai rakyat hidup susah sekarang," katanya ketika ditemui di Restoran Ali Maju di Setapak, semalam.

Namun Ramlah yang juga peniaga kedai makan berkata, meskipun inisiatif itu adalah sesuatu yang baik, namun dia tidak berhasrat untuk menyediakan Menu Rahmah di kedainya.

"Saya sendiri tidak berhasrat untuk menyediakan menu itu kerana saya berniaga kecil-kecilan sahaja.

"Sukar untuk saya jual harga murah memandangkan kos bahan mentah mahal," katanya.

Seorang lagi pelanggan, R

**'Saya kini jimat dua kali ganda'**



**"**Kalau ditanya soal untung, sejujurnya memang tiada untung, tetapi tidak juga kata rugi. Sepatutnya kedai kecil lagi senang untuk tawar menu ini sebab kadar sewa mereka lebih rendah"

Jawahar

Rambianay, 32, berkata, dia dapat berjimat dan mengurangkan kos perbelanjaan dengan membeli menu berkenaan setiap hari.

"Kebiasaannya setiap kali saya makan di luar (restoran), saya perlu belanja antara RM30 hingga RM35 sehari untuk makan tengah hari dan makan malam.

"Apabila ada menu begini, saya boleh jimat hingga dua kali ganda apabila hanya perlu belanja RM10 sehari untuk dua kali makanan dengan kuantiti hidangan yang mengenyangkan," katanya.

Sementara itu, pemilik rangkaian Restoran Ali Maju Datuk Jawahar Ali Taib Khan berkata, restoran berkenaan

menawarkan dua jenis hidangan Menu Rahmah bermula semalam.

"Apa yang kita tawarkan untuk menu itu di semua rangkaian restoran ini adalah hidangan ayam bersama sayur serta air teh o atau mineral pada harga RM5.

"Saya juga ada memikirkan beberapa lagi hidangan untuk ditawarkan pada harga RM5 dalam masa terdekat memandangkan ia mendapat sambutan menggalakkan," katanya.

Beliau yang juga Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) berkata, diumumkan 20 peratus hingga 30 peratus restoran di bernaung di ba-

wah persatuan itu sudah melaksanakan inisiatif itu.

"Saya difahamkan ada restoran belum melaksanakan inisiatif itu kerana masih menunggu standard poster oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Jika ditanya mengenai soal keuntungan, sejujurnya memang tiada untung tetapi tidak juga kata rugi. Sepatutnya kedai kecil lagi senang untuk tawar menu ini sebab kadar sewa mereka lebih rendah," katanya.



TASMAN (kanan) bersama isteri dan anaknya membeli Menu Rahmah di Mydin Wholesale Hypermarket, Bukit Jambul, Georgetown.

## *Puas hati harga, menu ditawarkan*

**Georgetown:** Pada harga maksimum RM5, Menu Rahmah dianggap sebagai murah dan menjimatkan.

Ia antara maklum balas yang diterima dalam kalangan pembeli Menu Rahmah yang mula dijual di seluruh negara sejak kelmarin.

Tinjauan di Mydin Wholesale Hypermarket, Bukit Jambul di sini, semalam mendapati pengunjung berpuas hati dengan harga dan jenis menu yang ditawarkan.

Antara menu sarapan yang dijual ialah set nasi lemak, mi goreng, bihun dan nasi goreng pada harga RM2.50 setiap satu manakala makanan tengah hari pula ialah nasi dan aneka lauk pada harga RM4.90.

Pasangan adik-beradik, Rosma Awang, 75, dan Khadijah, 82, turut tidak ketinggalan untuk mendapatkan menu itu.

Rosma dari Batu Maung berkata, inisiatif itu menjimatkan dan memudahkan orang ramai termasuk warga emas.

Katanya, berikutan lanjut usia, mereka jarang memasak dan hanya membeli di kedai berhampiran.

"Dua kali saya lihat pada senarai harga yang dipaparkan kerana tidak percaya masih ada yang menjual nasi lemak pada harga serendah RM2.50 ketika ini.

"Bagi kami yang sudah lanjut usia, memang tidak makan banyak tetapi bagi individu yang berpendapatan rendah dan berkeuarga, ia amat membantu golongan berkenaan," katanya ditemui.

Pekerja kontrak, Tasman Masrul, 65, pula berharap, inisiatif berkenaan menjadi penanda aras terhadap pengurangan harga makanan di seluruh negara.

"Harga makanan memang mahal ketika ini. Diharapkan, inisiatif ini boleh dijadikan rujukan untuk mengurangkan harga barangan makanan selepas ini," katanya.

Sementara itu, Pengerus Cawangan Mydin Wholesale Hypermarket berkenaan, Mohd Sobri Tajudin berkata, menu berkenaan mendapat sambutan baik dalam kalangan pengunjung.

Katanya, kebanyakan pengunjung yang membeli Menu Rahmah terdiri daripada pelanggan berkeuarga, suri rumah, pekerja sektor perindustrian serta perkilangan berhampiran.

"Menu ini dimasak enam kakitangan bahagian dapur kami. Ia menggunakan sepenuhnya bahan masakan segar yang dijual di pasar raya ini," katanya.

Kelmarin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, inisiatif yang dilancarkan oleh kementeriannya itu membabitkan 15,000 premis menjual makanan.

Katanya, inisiatif itu bagi membantu mengurangkan beban kos sara hidup.

Pelanggan yang memasuki kedai makan atau restoran yang menyertai program berkenaan boleh memesan Menu Rahmah ketika buat pesanan.



A customer being served a Menu Rahmah meal at Mydin Tunjong Hypermarket in Kota Bahru yesterday. - BERNAMAPIC



Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	<b>RM7.99</b>
• Daging Lembu Tempatan	<b>RM44</b>
• Daging Lembu Import	<b>RM55.80</b>
• Telur Gred A	<b>RM13.50</b>
• Ikan Kembung	<b>RM13</b>
• Minyak Masak	<b>RM6.35</b>
• Gula Pasir	<b>RM2.85</b>
• Bawang Besar Holland	<b>RM2.99</b>
• Bawang Putih	<b>RM3.99</b>
• Cili Merah	<b>RM8.99</b>
• Kubis Bulat Tempatan	<b>RM3.49</b>
• Tepung Gandum	<b>RM3.23</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**2 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)**

**BERITA ONLINE BERTARIKH 2 FEBRUARI 2023**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
2-Feb	Boleh jimat 2 kali ganda	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/931434/boleh-jimat-2-kali-ganda">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/931434/boleh-jimat-2-kali-ganda</a>	HM
2-Feb	KPDN sasar inisiatif Menu Rahmah dilaksana seluruh negara	<a href="https://www.edisi9.com.my/2023/02/kpdn-sasar-inisiatif-menu-rahmah-dilaksana-seluruh-negara/">https://www.edisi9.com.my/2023/02/kpdn-sasar-inisiatif-menu-rahmah-dilaksana-seluruh-negara/</a>	EDISI9
2-Feb	Malaysia Madani starts from the tummy with RM5 'Menu Rahmah'	<a href="https://focusmalaysia.my/malaysia-madani-starts-from-the-tummy-with-rm5-menu-rahmah/">https://focusmalaysia.my/malaysia-madani-starts-from-the-tummy-with-rm5-menu-rahmah/</a>	FOCUSMALAYSIA
2-Feb	Mydin launches b40 friendly rahmah set meals	<a href="https://www.google.com/amp/s/says.com/my/amp/news/mydin-launches-b-40-friendly-rahmah-set-meals">https://www.google.com/amp/s/says.com/my/amp/news/mydin-launches-b-40-friendly-rahmah-set-meals</a>	SAYS
2-Feb	MENU RAHMAM RM5 SAHAJA? USAHA TERBAIK SALAHUDDIN AYUB MENTERI KPDN, WALAUN PAS PERTIKAI JUGAK?	<a href="https://youtu.be/PE0VZjusvE4">https://youtu.be/PE0VZjusvE4</a>	MABA channel
2-Feb	15,000 premis makanan seluruh negara tawar Menu Rahmah serendah RM5	<a href="https://youtu.be/ruNIUPMxAU0">https://youtu.be/ruNIUPMxAU0</a>	Malakatribune
2-Feb	Mydin tawar Menu Rahmah selama 3 bulan, agih 5,000 pek makanan kepada pelajar universiti	<a href="https://vt.tiktok.com/ZS8UHMn8D/">https://vt.tiktok.com/ZS8UHMn8D/</a>	Malakatribune
2-Feb	Mydin tawar Menu Rahmah selama 3 bulan, agih 5,000 pek makanan kepada pelajar universiti	<a href="https://youtu.be/g1U7g2C3uH0">https://youtu.be/g1U7g2C3uH0</a>	Malakatribune
2-Feb	KPDN kuat kuasa larangan jual petrol RON 95, diesel kepada kenderaan asing di Perlis mulai hari ini	<a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/56404-kpdn-kuat-kuasa-larangan-penjualan-petrol-ron-95-diesel-kepada-kenderaan-asing-di-perlis-mulai-hari-ini">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/56404-kpdn-kuat-kuasa-larangan-penjualan-petrol-ron-95-diesel-kepada-kenderaan-asing-di-perlis-mulai-hari-ini</a>	BERITARTM
2-Feb	KPDN to conduct advocacy campaign on ban of RON95 petrol sales to foreign vehicles	<a href="https://www.bernama.com/v2/en/general/news.php?id=2161046">https://www.bernama.com/v2/en/general/news.php?id=2161046</a>	BERNAMA
2-Feb	Projek rintis advokasi larangan jual RON95, diesel kepada kenderaan asing mula di Perlis	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/426126">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/426126</a>	THEMALAYSIANINSIGHT

2-Feb	Larangan jualan petrol RON95, diesel subsidi kepada kenderaan asing di Perlis	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/02/larangan-jualan-petrol-ron95-diesel-subsidi-kepada-kenderaan-asing-di-perlis/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=larangan-jualan-petrol-ron95-diesel-subsidi-kepada-kenderaan-asing-di-perlis">https://www.utusan.com.my/berita/2023/02/larangan-jualan-petrol-ron95-diesel-subsidi-kepada-kenderaan-asing-di-perlis/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=larangan-jualan-petrol-ron95-diesel-subsidi-kepada-kenderaan-asing-di-perlis</a>	UM
2-Feb	Perlis Petrol Stations To Be Monitored For Selling Subsidised Petrol To Thai Cars	<a href="https://www.businesstoday.com.my/2023/02/01/perlis-petrol-stations-to-be-monitored-for-selling-subsidised-petrol-to-thai-cars/">https://www.businesstoday.com.my/2023/02/01/perlis-petrol-stations-to-be-monitored-for-selling-subsidised-petrol-to-thai-cars/</a>	BUSINESSTODAY
2-Feb	Perlis Jadi Negeri Perintis, Jual Minyak Petrol Tanpa Subsidi Kepada Kenderaan Asing	<a href="https://rnggt.com/202327686/">https://rnggt.com/202327686/</a>	RNGGT
2-Feb	Kenderaan asing dilarang beli diesel, RON95 bersubsidi di Perlis	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/01/kenderaan-asing-dilarang-beli-diesel-ron95-bersubsidi-di-perlis/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/01/kenderaan-asing-dilarang-beli-diesel-ron95-bersubsidi-di-perlis/</a>	KOSMO
2-Feb	Projek rintis advokasi larangan jual RON95, diesel kepada kenderaan asing mula di Perlis	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2160995">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2160995</a>	BERNAMA
2-Feb	Kenderaan pendaftaran asing dilarang isi diesel bersubsidi di Perlis	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/931536/kenderaan-pendaftaran-asing-dilarang-isi-diesel-bersubsidi-di-perlis-metrotv">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/931536/kenderaan-pendaftaran-asing-dilarang-isi-diesel-bersubsidi-di-perlis-metrotv</a>	HM
2-Feb	KPDN to conduct advocacy campaign on ban of RON95 petrol sales to foreign vehicles	<a href="https://www.thesundaily.my/local/kpdn-to-conduct-advocacy-campaign-on-ban-of-ron95-petrol-sales-to-foreign-vehicles-GM10581421">https://www.thesundaily.my/local/kpdn-to-conduct-advocacy-campaign-on-ban-of-ron95-petrol-sales-to-foreign-vehicles-GM10581421</a>	THESUNDAILY
2-Feb	Larangan kenderaan asing isi diesel bersubsidi, petrol RON95 di stesen minyak di Perlis dikuatkuasakan	<a href="https://paultan.org/2023/02/01/larangan-kenderaan-asing-isi-diesel-bersubsidi-petrol-ron95-di-stesen-minyak-di-perlis-dikuatkuasakan/">https://paultan.org/2023/02/01/larangan-kenderaan-asing-isi-diesel-bersubsidi-petrol-ron95-di-stesen-minyak-di-perlis-dikuatkuasakan/</a>	PAULTAN

2-Feb	CAP gesa atasi kenaikan harga sayur, dakwa naik hingga 160 peratus	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/243297">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/243297</a>	SH
2-Feb	CAP gesa langkah segera turunkan harga sayur meningkat 160 peratus	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1058710/cap-gesa-langkah-segera-turunkan-harga-sayur-meningkat-160-peratus">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1058710/cap-gesa-langkah-segera-turunkan-harga-sayur-meningkat-160-peratus</a>	BH
2-Feb	Ada harga sayur naik lebih 160%, dakwa persatuan pengguna	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/01/ada-harga-sayur-naik-lebih-160-dakwa-persatuan-pengguna/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/01/ada-harga-sayur-naik-lebih-160-dakwa-persatuan-pengguna/</a>	FMT
2-Feb	Harga sayur meningkat 160 peratus, CAP gesa kerajaan ambil langkah segera	<a href="https://utusanv.com/2023/02/01/harga-sayur/">https://utusanv.com/2023/02/01/harga-sayur/</a>	UMTV
2-Feb	Lato-lato bahaya, pantau penjualannya	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/lato-lato-bahaya-pantau-penjualannya/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/lato-lato-bahaya-pantau-penjualannya/</a>	UM
2-Feb	Hidangan Menu Rahmah segar, sedap dan jimat belanja rakyat	<a href="https://selangorkini.my/2023/02/hidangan-menu-rahmah-segar-sedap-dan-jimat-belanja-rakyat/">https://selangorkini.my/2023/02/hidangan-menu-rahmah-segar-sedap-dan-jimat-belanja-rakyat/</a>	SELANGORKINI
2-Feb	Menu Rahmah: "Kami tak kira warga asing atau rakyat Malaysia..." - Pemilik Ali Maju	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/menu-rahmah-kami-tak-kira-warga-asing-atau-rakyat-malaysia-pemilik-ali-maju-404561%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/menu-rahmah-kami-tak-kira-warga-asing-atau-rakyat-malaysia-pemilik-ali-maju-404561%3famp=1</a>	ASTROAWANI

2-Feb	'Menu Rahmah terbuka kepada semua pelanggan di Mydin'	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1058641/menu-rahmah-terbuka-kepada-semua-pelanggan-di-mydin">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/02/1058641/menu-rahmah-terbuka-kepada-semua-pelanggan-di-mydin</a>	BH
2-Feb	Menu Rahmah Trending, Netizen Beri Respons Positif	<a href="https://sumberkini.my/menu-rahmah-trending-netizen-beri-respons-positif/">https://sumberkini.my/menu-rahmah-trending-netizen-beri-respons-positif/</a>	SUMBERKINI
2-Feb	Menu Rahmah is cheap, tasty and satisfying – KB customers	<a href="https://www.google.com/amp/s/themalaysianreserve.com/2023/02/01/menu-rahmah-is-cheap-tasty-and-satisfying-kb-customers/amp/">https://www.google.com/amp/s/themalaysianreserve.com/2023/02/01/menu-rahmah-is-cheap-tasty-and-satisfying-kb-customers/amp/</a>	THEMALAYSIARESERVE
2-Feb	Menu Rahmah is cheap, tasty and satisfying: KB customers	<a href="https://www.thesundaily.my/local/menu-rahmah-is-cheap-tasty-and-satisfying-kb-customers-DM10580506">https://www.thesundaily.my/local/menu-rahmah-is-cheap-tasty-and-satisfying-kb-customers-DM10580506</a>	THESUNDAILY